



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI OKTOBER 2025

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Oktober 2025. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas sekitar 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi, di semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen/keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi negara.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Indeks utama BSI, iaitu **sub-indeks Keadaan Perniagaan**, dicatat pada tahap 50.4 pada Oktober 2025, menunjukkan keadaan perniagaan yang optimistik berbanding bulan sebelumnya. Keadaan perniagaan disokong oleh beberapa faktor positif, termasuk peningkatan jualan dan pesanan, permintaan bermusim, projek-projek baharu dan yang sedang berjalan, peningkatan langganan, dan usaha pemasaran yang aktif. Sesetengah perniagaan juga mendapat manfaat daripada pemacu khusus bagi sektor tersebut seperti peningkatan sumbangan insurans dan takaful, tempahan bagi pelancongan dan acara-acara, dan jualan ayam (poultry) dan pertanian yang lebih kukuh. Walau bagaimanapun, kesan positif ini diimbangi oleh kebimbangan terhadap kelembapan permintaan bagi sesetengah perniagaan, terutamanya yang bergantung kepada eksport, persaingan untuk mendapatkan projek di kalangan perniagaan, serta cabaran berkaitan cuaca yang menjejaskan pengeluaran dan operasi. Indeks bagi satu bulan ke hadapan berada pada tahap 49.9, di mana kebanyakan perniagaan merekodkan pandangan pesimistik terhadap prospek mereka pada November 2025. Secara keseluruhan, perniagaan menjangka prestasi yang lebih lemah, mengambil kira kemungkinan kelembapan bermusim, peningkatan aktiviti melancong ke luar negara semasa musim cuti persekolahan, penamatan kontrak, pengurangan aktiviti pelanggan, penyelesaian projek, serta beberapa gangguan daripada aktiviti pelanggan dan keadaan cuaca.

5. **Sub-Indeks Pelaburan** berada pada tahap 50.4 bagi Oktober 2025, dan 50.6 bagi indeks satu bulan ke hadapan dan tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan jangkaan bahawa tahap pelaburan akan meningkat yang juga akan berterusan pada beberapa bulan berikutnya. Bagi Oktober 2025, peningkatan ini dikaitkan dengan aktiviti projek, kerja-kerja pengubahsuaian dan pengembangan, penaiktarafan sistem, pembelian peralatan, dan penambahan semula inventori untuk persediaan menghadapi kitaran jualan dan musim perayaan yang akan datang. Memandang ke hadapan, para peniaga menjangka tahap pelaburan akan terus meningkat, terutamanya untuk menampung pelaksanaan projek-projek yang berlanjutan dan persediaan untuk permintaan hujung tahun. Walau bagaimanapun, para peniaga menekankan sebahagian besar pelaburan sebenar adalah bergantung kepada pengesahan projek-projek dan prestasi perniagaan.

6. **Sub-Indeks Pengambilan Pekerja** adalah 49.9 bagi Oktober 2025 dan bagi satu bulan ke hadapan. Kedua-dua sub-indeks menandakan sedikit penurunan dalam jumlah pekerja disebabkan oleh peletakan jawatan, persaraan, dan penamatan kontrak. Namun demikian, kebanyakan perniagaan melaporkan jumlah pekerja yang stabil bagi Oktober dan November 2025 serta menyatakan rancangan pengambilan pekerja bagi menggantikan kakitangan yang berhenti dan menyokong projek baharu serta pengembangan perniagaan. Namun, beberapa perniagaan kecil dan mikro menyuarakan kebimbangan mengenai proses pengambilan pekerja asing.

7. **Sub-Indeks Kos Perniagaan** dicatat pada tahap 50.4 bagi Oktober 2025 dan 50.0 bagi satu bulan ke hadapan, menunjukkan jangkaan peningkatan kos perniagaan pada Oktober yang mungkin akan beransur stabil pada November 2025. Peningkatan kos pada Oktober sebahagian besarnya dikaitkan dengan jumlah pengeluaran dan perbelanjaan berkaitan projek. Antara faktor lain yang dikongsikan adalah berkaitan perbelanjaan pemasaran dan promosi, kerja-kerja penyelenggaraan atau pembaikan, serta kos pengimportan, penghantaran dan penyewaan yang lebih tinggi. Memandang ke hadapan, perniagaan menjangka kos operasi adalah hampir sama seperti Oktober 2025.

BSI Oktober 2025	
Keadaan Perniagaan	50.4
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	49.9
Pelaburan	50.4
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.6
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.6
Pengambilan Pekerja	49.9
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	49.9
Kos Perniagaan	50.4
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.0

8. Dari segi **sektor ekonomi**:

	Sektor	Indeks	Huraian
Sentiment Optimistik	Minyak & Gas dan Yang Berkaitan	50.6	Walaupun kebanyakan perniagaan melaporkan keadaan yang hampir sama berbanding dengan bulan sebelumnya, beberapa syarikat yang besar mencatatkan keadaan yang lebih baik berikutan pengeluaran yang kembali ke tahap normal dan jadual penghasilan yang menggalakkan.
	Pengangkutan & Komunikasi	50.5	Sektor ini menunjukkan keadaan yang stabil dengan kecenderungan kepada sentimen optimistik. Ini didorong oleh penambahbaikan operasi bermusim dan peningkatan aktiviti, manakala sebahagian pula menjangka tiada perubahan dalam keadaan perniagaan.
	Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.2	Beberapa perniagaan melapor tahap aktiviti yang sedikit meningkat, sementara yang lain mencatatkan keadaan perniagaan yang sama berbanding bulan sebelumnya.
	Kewangan & Insurans	50.1	Beberapa perusahaan melapor peningkatan dalam permintaan terhadap produk dan perkhidmatan kewangan, disokong oleh jangkaan sumbangan premium takaful dan insurans yang lebih tinggi, dan beberapa pembiayaan projek.
	Perkhidmatan Lain	50.1	Kebanyakan perniagaan melaporkan keadaan yang bertambah baik, didorong terutamanya oleh projek baharu, aliran tunai yang lebih baik, dan kerja-kerja bagi tender yang telah diterima sebelum ini.
Tiada Perubahan	Hotel & Restoran	50.0	Perniagaan dalam sektor ini melaporkan sentimen berlainan. Sebahagiannya mengalami aktiviti yang perlahan, khususnya bagi tempahan dan keperluan acara, manakala yang lain menjangka peningkatan hasil daripada pemasaran, promosi, dan faktor bermusim.

	Pembuatan	50.0	Sentimen berbeza-beza direkodkan, di mana kebanyakan perniagaan mencatatkan permintaan yang stabil atau meningkat disebabkan faktor bermusim dengan peningkatan dalam pesanan dan pengeluaran yang berterusan. Manakala sebahagian yang lain menjangka tahap jualan yang lebih lemah, penurunan permintaan, persaingan yang lebih kuat, cabaran operasi, dan keadaan pasaran yang lebih perlahan.
Sentimen Pesimistik	Pembinaan	49.9	Kebanyakan perniagaan dalam sektor ini melaporkan pandangan pesimistik, terutamanya disebabkan isu aliran tunai dan kekurangan projek baharu selepas penyelesaian projek yang sedia ada. Beberapa perniagaan turut menekankan cabaran seperti cuaca buruk dan kekurangan tenaga kerja yang melambatkan projek dan menekankan lagi sentimen pesimistik.
	Perdagangan Borong & Runcit	49.9	Sebahagian besar perniagaan melaporkan penurunan tahap jualan dan jumlah pelanggan, serta kemerosotan berterusan dari bulan ke bulan. Faktor-faktor ini dikaitkan dengan pengurangan perbelanjaan domestik dan kecenderungan para pelanggan untuk melancong ke luar negara, yang akan mengurangkan permintaan daripada perniagaan tempatan.
	Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	49.8	Para peniaga menjangkakan prestasi yang sedikit lemah pada Oktober berikutan gangguan operasi dan faktor persekitaran.
	Kesihatan & Pendidikan	49.4	Beberapa perniagaan dalam subsektor Kesihatan mencatat kelembapan bermusim dan pengurangan lawatan pesakit yang menyebabkan penurunan prestasi pada bulan Oktober. Sektor Pendidikan pula menjangkakan tiada perubahan dalam sentimen.

9. Dari segi saiz perniagaan:

	Saiz	Indeks	Huraian
Sentiment Optimistik	Besar	50.4	Perniagaan-perniagaan besar secara amnya optimistik bagi bulan Oktober, mengambil kira jangkaan pemulihan operasi ke tahap normal, projek-projek baharu, peningkatan permintaan bermusim, dan jualan yang lebih kukuh didorong oleh promosi dan peningkatan aktiviti domestik.
Tiada Perubahan	Mikro	50.0	Kebanyakan perniagaan bersaiz mikro menjangka keadaan perniagaan pada Oktober adalah hampir sama seperti bulan sebelumnya, dengan pelancaran projek dan operasi harian yang berterusan. Walau bagaimanapun, sebilangan kecil melaporkan sedikit peningkatan disebabkan pesanan baharu atau faktor bermusim, manakala sebahagian pula mencatatkan penurunan akibat permintaan yang perlahan serta cabaran berkaitan cuaca dan operasi.
	Kecil	50.0	Sentimen bagi perniagaan kecil secara amnya adalah berbeza-beza. Sentimen optimistik didorong oleh projek-projek baharu, peningkatan pesanan, keberkesanan pemasaran, dan permintaan bermusim. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan yang melaporkan keadaan semakin merosot disebabkan kekurangan projek, permintaan yang lemah, gangguan cuaca, dan perbelanjaan pelanggan yang lebih perlahan. Namun, kebanyakan perniagaan kekal stabil dan menjangka tahap aktiviti yang tidak berubah berbanding dengan bulan sebelumnya.
Sentiment Pesimistik	Sederhana	49.9	Sentimen pesimistik didorong oleh pesanan kerja yang berkurangan, penurunan tahap jualan, kemerosotan tahap permintaan pelanggan, dan kelembapan aktiviti perniagaan secara keseluruhan yang menyumbang kepada tahap perbelanjaan tempatan yang rendah.

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak Ogos 2020 adalah di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 26 Jamadilakhir 1447H / 17 Disember 2025M

Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan




Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan. Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.


Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos.


Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Oktober 2025



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.